



## **GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH ANUMERTA**

Universiti Teknologi Malaysia melalui Mesyuarat Senat Bil. 8/2015/2016 pada 7 April 2016 telah meluluskan cadangan penganugerahan Ijazah Anumerta (Posthumous Degree) bagi pelajar pasca ijazah Universiti Teknologi Malaysia.

---

Ijazah Anumerta merupakan penganugerahan ijazah selepas kematian pelajar semasa berada dalam pengajian. Ia bukanlah program baharu tetapi satu penganugerahan ijazah bagi program pengajian yang diikuti oleh pelajar pada masa kematian beliau. Penganugerahan ijazah ini dibuat atas sokongan dan kelulusan universiti. Ijazah Anumerta (Posthumous Degree) diberikan berdasarkan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar.

Garis panduan ini dirujuk bagi menganugerahkan ijazah Anumerta (POSTHUMOUS DEGREE) kepada pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian dan layak dianugerah ijazah bagi program yang didaftarkan.

### **Syarat Penganugerahan:**

Pelajar yang meninggal dunia boleh dianugerahkan ijazah Anumerta dengan syarat;

- Mempunyai rekod pencapaian akademik yang baik sepanjang pengajian iaitu **Kedudukan Baik (KB)** bagi semua semester sebelum kematian, dan
- Telah menyiapkan sekurang-kurangnya **85%** daripada keperluan bergraduan bagi ijazah sarjana secara kerja kursus **atau**
- Telah menghantar disertasi/tesis bagi tujuan pemeriksaan disertasi/tesis dan mendapat keputusan sekurang-kurangnya **B2** oleh salah seorang pemeriksa.

### **Proses Penganugerahan Ijazah Anumerta:**

- i. Fakulti/Sekolah Pengajian Siswazah, sebaik mendapat pengesahan kematian pelajar, perlu memeriksa rekod akademik pelajar dan memohon penganugerahan ijazah Anumerta.
- ii. Fakulti/Sekolah Pengajian mestilah memastikan pelajar mempunyai pencapaian akademik yang baik (KB) sepanjang pengajian.
- iii. Fakulti/Sekolah Pengajian Siswazah perlu menghantar semua bukti rekod akademik pelajar untuk dibincangkan dan dipertimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan).
- iv. Jawatan Kuasa Tetap Senat mempertimbangkan permohonan penganugerahan samada untuk menolak atau meluluskan permohonan bagi penganugerahan ijazah Anumerta (Posthumous).
- v. Jika Ijazah Anumerta diluluskan, ijazah yang dianugerahkan akan mempunyai pertambahan perkataan 'Anugerah Anumerta' (awarded posthumously ) dalam Sijil (Rujuk Rajah 1 dan 2).
- vi. Pembetulan ke atas Disertasi/Tesis pelajar jika ada selepas pemeriksaan tesis tidak perlu dibuat dan Disertasi/Tesis tidak perlu dijilid dan tiada penempatan di perpustakaan UTM.
- vii. Penganugerahan ijazah Anumerta adalah sebagai satu penghormatan kepada pelajar yang telah menamatkan sebahagian pengajiannya di UTM dengan keputusan baik.
- viii. Graduan ijazah Anumerta tidak akan dikira dalam statistik graduan pelajar pasca siswazah.

***Sekolah Pengajian Siswazah***

***7 April 2016***

## Lampiran

THE SENATE HAS CONFERRED UPON

*NAME*

THE POSTHUMOUS DEGREE OF

MASTER OF SCIENCE  
(CONSTRUCTION MANAGEMENT)

**Rajah 1: Contoh penganugerahan (Bahasa Inggeris)**

LOGO UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BAHAWASANYA SENAT TELAH MENGANUGERAHKAN **IJAZAH ANUMERTA**

DOKTOR FALSAFAH (KEJURUTERAAN ELEKTRIK)

KEPADA

*NAMA*

**Rajah 2: Contoh penganugerahan (Bahasa Melayu)**